

24/02/2003

Bahrain yakin capai matlamat

BAHRAIN yakin Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang dihoskan Malaysia di bawah bimbingan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menempa kejayaan dan mencapai semua matlamat yang ditetapkan, kata Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa.

"Kami yakin Malaysia dan Perdana Menterinya yang mempunyai wawasan mendalam dan pengalaman luas akan menyumbang kepada kejayaan sidang kemuncak ini dan pencapaian matlamat yang kita semua harapkan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kepada Bernama semasa ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Beliau berkata Raja Hamad Isa Al-Khalifa turut menyampaikan ucap selamat rakyat dan kerajaan Bahrain terhadap kejayaan sidang kemuncak itu.